

KARANGAN - TAHUN 5

Arahan : Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Tajuk: Kebaikan menonton televisyen

buku	mengeratkan
mengisi	televisyen
rumah	mengelakkan
murid	pendidikan
hal	maklumat

Televisyen merupakan sejenis media elektronik yang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Dewasa ini, hampir setiap rumah mempunyai sebuah 1. _____.

Menonton televisyen boleh memberi banyak kebaikan kepada kita. Melalui televisyen, para penonton boleh mendapat 2. _____ tentang ramalan cuaca. Kita boleh membuat persediaan awal bagi menghadapi bencana-bencana yang diramalkan akan berlaku. Selain itu, rancangan berita yang disiarkan melalui televisyen membolehkan kita mengetahui 3. _____ ehwal semasa yang berlaku di dalam mahupun di luar negara. Kita akan menjadi lebih peka terhadap perkembangan semasa.

Dalam pada itu, para 4. _____ boleh menambahkan pengetahuan melalui rancangan berunsurkan 5. _____ yang disiarkan melalui televisyen. Murid-murid tidak akan berasa bosan

dengan hanya membaca 6. _____ sahaja. Di samping itu, kita boleh 7. _____ masa lapang kita dengan menonton televisyen di 8. _____. Di samping melapangkan fikiran, kita boleh 9. _____ hubungan kekeluargaan. Kita juga dapat 10. _____ diri daripada terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti merokok dan melepak.

Televisyen sememangnya berguna dan penting kepada kita. Kita hendaklah pandai memilih rancangan televisyen yang sesuai dan memanfaatkan kita.

(10 markah)